

19 Oktober 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Sime Darby Plantation Berhad – Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee dan ladang-ladang, Jasin, Melaka, Malaysia

Sime Darby Plantation Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 3 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Jasin, Melaka, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee pada 21-23 November 2017. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee dan ladang-ladang	
Nama unit pengurusan	Strategic Operating Unit (SOU 18) – Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee
Alamat lokasi	KM 8, Jasin-Simpang Bekoh 77100 Jasin, Melaka
Ladang	Ladang Diamond Jubilee, Ladang Bukit Asahan, Ladang Serkam
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	8,127.93 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di (http://www.msonline.gov.my/catalog.php)

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Diamond Jubilee dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

En. Nicholas Cheong sebagai Ketua Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran) dan **En. Amir Bahari** sebagai Juruaudit (GHG, Alam Sekitar, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek undang-undang, Biodiversiti & Sosial)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Puan Shylaja Devi Vasudevan Nair
Head of Sustainability Unit
PSQM Department
Sime Darby Plantation Berhad
No. 2, Plantation Tower, Jalan PJU 1A/7
47301 Ara Damansara, Selangor, Malaysia
Fax : +603-7848 4363
Email : shylaja.vasudevan@simedarby.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Operasi